

**KAJIAN PERBANDINGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR-PELAJAR BERMASALAH PENDENGARAN YANG
MEMAKAI ALAT BANTU PENDENGARAN DAN YANG
TIDAK MEMAKAI ALAT BANTU PENDENGARAN DI
SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS DI KELANTAN**


**KHAIRUL ANNUAR BIN JAMIL
89414**

**Tesis ini dilaksanakan untuk memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan
(Audiologi)**

**2009
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**


SIJIL AKU JANJI

Diperakui bahawa kajian yang bertajuk Kajian perbandingan pencapaian akademik pelajar bermasalah pendengaran yang memakai alat bantu pendengaran dan yang tidak memakai alat bantu pendengaran di sekolah pendidikan khas di Kelantan merupakan kerja dan penyelidikan yang asli dari Khairul Annuar Bin Jamil [89414] dari Julai 2008 hingga April 2009 adalah di bawah penyeliaan saya. Kajian ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kesihatan (Audiologi). Segala hasil penyelidikan dan data yang diperolehi adalah hak milik Universiti Sains Malaysia.



Tandatangan Penyelia Utama
[Prof. Dr Din Suhaimi Bin Sidek]
Pengerusi Program Audiologi,
Pusat Pengajian Sains Kesihatan,
Kampus Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian
Kelantan

Tarikh: 7/5/09



Tandatangan Penolong penyelia
(Cik Rozazipah Binti Ahmad)
Audiologis,
Klinik Audiologi,
Hospital Universiti sains Malaysia,
Universiti Sains Malaysia,
16150 Kubang Kerian,
Kelantan.

Tarikh : 7/5/09

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHI

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya maka dapat saya menjalankan projek penyelidikan tahun akhir dan seterusnya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Penghargaan yang tidak terhingga diberikan kepada Prof. Dr. Din Suhaimi bin Sidek selaku penyelia saya dalam kajian ini serta Cik Rozazipah binti Ahmad penolong penyelia saya. Bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penulisan latihan ilmiah ini amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih. Segala kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh mereka semoga mendapat ganjaran pahala dari Allah azza wajalla.

Dikesempatan ini juga, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Kelantan serta pihak Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kelantan, Lati, pasir Mas. Segala kerjasama dan toleransi yang diberikan diucapka ribuan terima kasih.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah serta kakitangan USM serta HUSM khususnya di Jabatan ORL terutama Klinik Audiologi. Terima kasih atas segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan sepanjang pengajian saya di USM Kubang Kerian. Segala budi yang dicurahkan akan dikenang sepanjang hayat. Tidak lupa juga salam sayang buat keluarga, isteri yang jauh dimata dekat dihati serta anak-anak yang ditinggalkan serta rakan-rakan yang memberi sokongan.

Buat rakan-rakan sekuliah, terima kasih atas segala bantuan semasa saya melaksanakan kajian ini. Semoga kita semua akan berjaya dalam apa jua bidang yang diikuti.

Akhir sekali, penghargaan ini juga diberikan kepada mereka yang terlibat secara tidak langsung dalam mamjayakan kajian ini. Semoga bantuan yang diberikan mendapat balasan pahala dari yang Maha Esa.

SUSUNAN KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat
SIJIL AKU JANJI	i
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBARAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Permasalahan Kajian	2
1.3 Takrifan Istilah	3
1.3.1 Perbandingan	3
1.3.2 Pencapaian Akademik	3
1.3.3 Pelajar	4
1.3.4 Bermasalah Pendengaran	4
1.3.5 Alat Bantu Pendengaran	5
1.3.6 Sekolah Pendidikan Khas	5
1.4 Penutup	6
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	7
2.1 Pendahuluan	7
2.2 Faedah Pengesanan Dan Intervensi Awal	7
2.3 Kanak-Kanak Dengan Masalah Pendengaran	8
2.4 Pencapaian Bahasa Melayu	9

2.5	Pencapaian Pelajar Bermasalah Pendengaran Dalam Pendidikan Aliran Perdana	11
2.6	Penutup	12
2.7	Tujuan Kajian	13
	2.7.1 Tujuan Umum	13
	2.7.2 Tujuan Khusus	13
2.8	Skop Kajian	13
2.9	Persoalan Kajian	14
2.10	Hipotesis	14
BAB 3	METODOLOGI	15
3.1	Penyertaan	15
3.2	Peralatan	16
	3.2.1 Audiometer ton Asli	16
	3.2.2 Aided Response Audiometry	17
	3.2.3 Sound Level Meter	17
	3.2.4 Borang Soal Selidik	17
3.3	Prosedur	18
	3.3.1 Pengumpulan Data	18
	3.3.1.1 Kajian Lapangan	18
	3.3.1.1.1 Pengumpulan Data Pelajar	18
	3.3.1.1.2 Keputusan Peperiksaan	19
	3.3.1.1.3 Soal selidik Guru	19
	3.3.1.2 Kesahihan Instrumen	19
	3.3.2 Audiometer Ton Asli	19
	3.3.3 Aided Response Audiometry	20
	3.3.4 Analisa Data	21

BAB 4	KEPUTUSAN	22
4.1	Pendahuluan	22
4.2	Pencapaian Akademik	22
4.3	Masalah Pendengaran	26
4.4	Penggunaan Alat Bantu Pendengaran	28
4.5	Fungsi Alat Bantu Pendengaran	30
4.6	Pengetahuan Guru Tentang Penggunaan ABP	31
	4.6.1 Latarbelakang Guru	31
	4.6.2 Pengetahuan asas Tentang Amplifikasi Pendengaran	35
	4.6.3 Kemahiran Guru	36
4.7	Kesesuaian Penempatan di Sekolah	39
BAB 5	PERBINCANGAN	40
5.1	Pencapaian Akademik	40
	5.1.1 Pencapaian Lulus Bahasa Melayu	40
	5.1.2 Pencapaian Lulus Matematik	41
5.2	Masalah Pendengaran Dan Pemakaian Alat Bantu Pendengaran	42
	5.2.1 Masalah Pendengaran	43
	5.2.2 Pemakaian ABP	45
	5.2.3 Ambang Pendengaran Pengguna Alat Bantu Pendengaran	44
5.3	Latarbelakang Guru	44
5.4	Penutup	45

BAB 6	KESIMPULAN	48
6.1	Saranan kajian	49
6.2	Masalah dan Limitasi Kajian	52
6.3	Impak Kajian	53

RUJUKAN

LAMPIRAN A	Borang soal selidik
LAMPIRAN B	Surat kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia
LAMPIRAN C	Application For Ethical Approval
LAMPIRAN D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kelantan
LAMPIRAN E	Kebenaran Menggunakan Bilik dan Alatan di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas SKPK Kelantan
LAMPIRAN F	Borang Maklumat dan Keizinan Pelajar
LAMPIRAN G	Pure Tone Audiogram
LAMPIRAN H	Aided Audiogram

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1. Susunan tema berdasarkan respon	13
2. <i>WHO Grades of hearing Impairment</i>	16
3. Jadual <i>correction factor</i> untuk pembesar suara Madsen Aurical Audio Diagnostic Fitting System	21
4. Pencapaian lulus BM bagi pelajar yang memakai ABP	22
5. Pencapaian lulus BM bagi pelajar yang tidak memakai ABP	23
6. Pencapaian lulus MT bagi pelajar yang memakai ABP	25
7. Pencapaian lulus MT bagi pelajar yang tidak memakai ABP	25
8. Jumlah pelajar berdasarkan tahap keterukan masalah Pendengaran	27
9. Perbandingan tahap keterukan pendengaran berdasarkan Jantina	27
10. Perbandingan umur dengan tahap keterukan masalah Pendengaran	28
11. Penggunaan ABP di kalangan pelajar di SKPK Kelantan	29
12. Perbandingan keterukan masalah pendengaran dengan pemakaian ABP	30

Jadual**Muka surat**

13.	Pelajar yang memakai ABP dan memberi tindakbalas pada spektrum pertuturan	31
14.	Purata umur yang mengajar di SKPK Kelantan	32
15.	Pengalaman mengajar	34
16.	Pengalaman mengajar pelajar bermasalah pendengaran	34
17.	Latihan asas untuk mengajar pendidikan khas	35
18.	Mempunyai latihan mengajar pendidikan khas lanjutan	35
19.	Mengetahui tentang ABP	36
20.	Mengetahui tentang IK	36
21.	Mengetahui peranan dan fungsi ABP dan IK	37
22.	Mengetahui tahap pendengaran setiap pelajar di dalam Kelas	37
23.	Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan tahap pendengaran pelajar	38
24.	Penggunaan alat tambahan semasa mengajar pelajar bermasalah pendengaran	38
25.	Pemeriksaan berkala terhadap ABP	39
26.	Penempatan di sekolah	39

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah	Muka surat
1 Carta bar perbandingan pencapaian lulus BM pemahaman antara pelajar yang memakai ABP dan tidak memakai ABP	24
2 Carta bar perbandingan pencapaian lulus BM penulisan antara pelajar yang memakai ABP dengan tidak memakai ABP	24
3 Jumlah pelajar yang memakai ABP berbanding pelajar yang mempunyai ABP tetapi tidak memakainya dan tiada ABP	29
4 Purata umur guru yang mengajar di SKPK Kelantan	32
5 Taraf pendidikan guru di SKPK Kelantan	33

SENARAI SINGKATAN

ABP	Alat bantu pendengaran
ANSI	American National Standards Institute
ASHA	American Speech-Language Hearing Association
BM	Bahasa Melayu
BTE	Behind The Ear
CIC	Completely in the canal
FM	Frequency modulated
ITC	In the canal
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LAD	Language Acquisition Device
MT	Matematik
P&P	Pengajaran dan pembelajaran
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
SLM	Sound Level Meter
SPL	Sound Pressure Level
SPSS	Statistical Package for Social Science
STAR	Standardized Testing and Reporting
UNHS	Universal Neonatal Hearing Screening
WHO	World Health Organisation
3PK	Pusat Perkhidmatan pendidikan Khas

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kebaikan menggunakan alat bantu pendengaran (ABP) dengan pencapaian akademik secara langsung. Perbandingan ini dibuat berdasarkan pencapaian akademik pelajar berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), pemakaian ABP dan pengetahuan guru tentang ABP. Seramai 101 orang pelajar dan 27 orang guru dari SKPK Kelantan, Lati, Pasir Mas telah dipilih sebagai subjek kajian. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) 14. Kajian deskriptif berbentuk peratusan digunakan untuk mengkaji pencapaian akademik pelajar, pemakaian ABP serta pengetahuan guru tentang ABP. Hasil kajian menunjukkan terdapat kemungkinan hubungan antara pemakaian alat bantu pendengaran dengan pencapaian prestasi matapelajaran BM di kalangan murid-murid bermasalah pendengaran. Kajian mendapati pemakaian ABP dikalangan pelajar adalah rendah iaitu 62.4% tidak mempunyai langsung alat bantu pendengaran, 26.7% mempunyai alat tetapi tidak memakainya dan hanya 10.9% sahaja yang mempunyai ABP dan memakainya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran asas guru untuk pemeriksaan berkala ABP masih rendah. Limitasi dan implikasi kajian turut dibincangkan.

ABSTRACT

This research is aimed to study the mutual relationship of using hearing aid with academic achievements directly. The comparison is made on student's academic achievement based on Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), hearing aid usage and teacher's knowledge on hearing aids. Hundred and one (101) students and twenty seven (27) teachers from SKPK Kelantan, Lati, Pasir Mas were selected as the subjects of the study. The data was computed and analyzed by using Statistical Package for Social Science (SPSS) 14. Descriptive study such as percentage was utilized in order to relate the student's academic achievements, hearing aid usage and teacher's awareness about the hearing aids. The outcome of the study showed that there were possible links between hearing aid usage and student achievement in Malay language (Bahasa Melayu) in students with hearing difficulty. The study also found that the application of hearing aid in students are low with 62.4% did not have hearing aid, 26.7% have the aids but did not used it while only 10.9% have and used the hearing aid. This study also able to show that the teacher's basic skills in routine check of the hearing aid is low. The limitation and implication in this study was also discussed.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pencapaian akademik kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia harus dipandang serius kerana secara keseluruhannya pencapaian akademik mereka tidak mencapai pencapaian yang sepatutnya. Walaupun terdapat beberapa pencapaian yang memberangsangkan tetapi pencapaian secara menyeluruh masih lagi tidak menunjukkan pencapaian yang baik dan seimbang.

Pencapaian akademik dapat didefinisikan sebagai tindakan kejayaan akademi di mana kejayaan akademik itu diperolehi menerusi kesungguhan di dalam peperiksaan atau ujian. Berbeza dengan kanak-kanak bermasalah pembelajaran, kanak-kanak bermasalah pendengaran mempunyai sukatan pelajaran yang sama dengan kanak-kanak normal. Ini secara langsung memberi peluang kepada mereka untuk memenuhi peluang pendidikan yang lebih luas. Berdasarkan pencapaian semasa mereka kemungkinan untuk mereka tercicir dari sistem pendidikan perdana adalah besar.

1.2 Kenyataan Permasalahan Kajian

Masalah pendengaran merupakan suatu kecacatan yang tersembunyi. Kehilangan pendengaran tersembunyi kerana kanak-kanak terutamanya bayi tidak dapat memberitahu kita yang mereka tidak dapat mendengar dengan jelas. Masalah kurang pendengaran adalah kekurangan dalam mengesan dan memahami bunyi. Di Malaysia, tidak ada agensi kerajaan yang dapat memberi program pengurusan awal yang efektif untuk kanak-kanak kurang pendengaran di bawah umur 5 tahun. Kanak-kanak ini (kurang pendengaran dan pekak) akan menghadapi gangguan bahasa

apabila mereka mula memasuki program Pra Sekolah Pendidikan Khas untuk kanak-kanak pekak, Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM). Kanak-kanak yang menghadapi kurang pendengaran juga akan mengalami masalah yang berkaitan dengan masalah pembelajaran dan masalah salah laku.

Kerosakan pendengaran akan memberi kesan kepada pertuturan, linguistic/bahasa dan penerimaan bahasa dan mungkin mengganggu pertumbuhan otak di mana mereka tidak akan dapat memahami bahasa secara keseluruhan. Masalah pendengaran juga mungkin akan mengganggu pencapaian akademik di kalangan kanak-kanak sekolah serta akan mengganggu proses interaksi, emosi dan pertumbuhan psikologi di kalangan kanak-kanak. Bagi golongan yang tidak mempunyai masalah pendengaran proses mendengar dan bertutur berlaku secara semulajadi sebagaimana teori Chomsky (1968) yang menyatakan bahawa manusia mempunyai kebolehan untuk mempelajari bahasa kerana telah dibekalkan dengan alat pemerolehan bahasa (language acquisition device -LAD). Teori ini menjelaskan bahawa setiap orang berkebolehan mempelajari bahasa secara semulajadi tanpa mengira jenis bahasa yang digunakan.

Masalah ini juga akan menyebabkan pencapaian akademik yang lemah dan juga mewujudnya masalah salah laku negatif seperti kurang konsentrasi (tumpuan), mengganggu pelajar-pelajar lain dan tidak mematuhi peraturan. Kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran akan menghadapi kesukaran untuk mempelajari kosa kata, nahu (tatabahasa), susunan perkataan, perumpamaan dan lain-lain aspek komunikasi berbanding dengan kanak-kanak normal.

Pengesanan awal masalah pendengaran adalah penting untuk mengurangkan kesan masalah pendengaran terhadap kanak-kanak. Kelaziman anggaran untuk

kerusakan pendengaran sederhana, teruk dan kekal berbeza dari 1 hingga 1.4/1000 bayi baru lahir (*A.L. Mehl at el, 2002*). 10% dari jumlah populasi dunia menghadapi masalah kerosakan pendengaran dan 250 juta orang mengalami masalah pendengaran yang sederhana dan teruk. (*WHO, PDHI 2001*)

Beberapa kajian menunjukkan perubahan dan kelaziman bayi baru lahir mengalami hilang pendengaran di Amerika Syarikat. Secara keseluruhan dianggarkan antara 1 hingga 6 per 1000 kelahiran. Kebanyakan kanak-kanak yang hilang pendengaran sejak dilahirkan berpotensi dikesan dengan alatan imbasan pendengaran. Tetapi sesetengahnya tidak dapat dibuktikan sehingga mereka berada di peringkat kanak-kanak.

1.3 Takrifan Istilah

1.3.1 Perbandingan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1989) perbandingan merujuk kepada imbangan atau perimbangan atau persamaan.

1.3.2 Pencapaian Akademik

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1989) pencapaian bermaksud apa yang telah dicapai (dihasilkan atau diperolehi), sementara akademik pula bermaksud yang bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan. Maka pencapaian akademik dapat dimaksudkan bahawa ilmu pengetahuan yang telah dicapai. Bagi kajian ini, pencapaian akademik di lihat pada 2 matapelajaran

sahaja iaitu Bahasa Melayu (BM) yang terbahagi kepada 2 iaitu BM Pemahaman dan BM Penulisan serta Matematik (MT). Semua markah penilaian diambil dari peperiksaan akhir tahun 2008 dan keputusan UPSR 2008 bagi pelajar Tahun 6 Atas

1.3.3 Pelajar

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1989), pelajar merujuk kepada orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, penuntut. Untuk kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar bermasalah pendengaran di SKPK Kelantan.

1.3.4 Bermasalah Pendengaran

Pengurangan sebahagian atau sepenuhnya keupayaan untuk mengesan atau memahami bunyi (*Speech and language Terms and Abbreviations, 2006*). Masalah pendengaran boleh didefinisikan sebagai ketidakupayaan seseorang untuk mengesan bunyi. Kegagalan mengesan bunyi menyebabkan golongan ini tidak mempunyai kebolehan untuk mengenalpasti dan memahami bunyi tersebut. Kehilangan pendengaran boleh berlaku pada sebahagian telinga ataupun kedua-dua belah telinga. Ia juga diklasifikasikan berdasarkan jenis kehilangan pendengaran, tahap keterukan dan juga permulaan usia masalah tersebut dikenalpasti.

1.3.5 Alat Bantu Pendengaran

Alat bantu pendengaran adalah alat elektronik kecil yang membantu manusia yang mengalami kehilangan pendengaran Ia menguat dan mengubah bunyi bagi menggantikan kerosakan di dalam bahagian telinga yang tidak berfungsi. (*Dillon, 2000*). Kajian mendapati pemakaian ABP secara konsisten melebihi 8 jam sehari dapat membantu golongan ini mempelajari bahasa lisan. Terdapat pelbagai jenis alat yang berada di pasaran bagi memenuhi keperluan pengguna iaitu alat yang dipakai di belakang telinga (BTE), alat di dalam telinga (ITC) dan alat di dalam telinga sepenuhnya (CIC). Implan koklea merupakan penemuan terkini di dalam teknologi amplifikasi ini. Dalam kajian jenis alat amplifikasi yang terlibat adalah jenis di belakang telinga dan implan koklea.

1.3.6 Sekolah Pendidikan Khas

Satu alternatif pendidikan yang ditawarkan kepada golongan yang mempunyai keperluan akademik, tingkah laku, kesihatan, dan fizikal yang melangkaui apa yang disediakan di sekolah tradisional (normal). Di negara ini, golongan yang boleh menerima pembelajaran di sekolah khas ialah mereka yang memiliki ketidakupayaan sama ada mental, fizikal atau emosi. Penilaian daripada pakar diperlukan sebagai pra-syarat kemasukan. Majoriti golongan bermasalah pendengaran di negara ini memperoleh pendidikan formal di sekolah-sekolah atau program khas bermasalah pendengaran yang terletak di bawah penyelenggaraan Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pendidikan Khas. Ketika ini terdapat 23 buah sekolah rendah pendidikan khas dan 3 buah sekolah menengah pendidikan

khas bermasalah pendengaran di seluruh Malaysia. Pelajar-pelajar ini mengikuti kurikulum dan ko-kurikulum yang sama seperti murid-murid di sekolah aliran biasa

1.4 Penutup

Di dalam bab ini diperbincangkan tentang secara umum tentang permasalahan yang dibentangkan seperti masalah pendengaran dan kesannya, penggunaan alat Bantu pendengaran dan cakupan permasalahan yang berlaku dewasa ini. Ketidakupayaan mendengar menyumbang kepada kelemahan pencapaian bahasa terutama dalam peperiksaan bertulis yang perlu mereka duduki di sekolah.

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini memaparkan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu berhubung kepentingan penggunaan alat bantu pendengaran (ABP) dalam membantu golongan bermasalah pendengaran untuk menguasai akademik di sekolah.

2.2 Faedah Pengesanan dan Intervensi Awal

Kajian bertajuk *Impact of early screening and treatment on language development and education level* di Belgium telah dihasilkan oleh N. Verhaet et.al (2006). Mulai tahun 1998 hingga 2003, kajian ini telah melibatkan pemerhatian terhadap 229 kanak-kanak bermasalah pendengaran. Didapati 85.4% kanak-kanak bermasalah pendengaran yang tidak mempunyai kecacatan lain berjaya menempatkan diri di sekolah aliran biasa. Kanak-kanak yang telah menjalani implan koklea pada sebelah telinga dan tidak mempunyai kecacatan fizikal lain menunjukkan hanya sedikit kelewatan perkembangan bahasa setelah mengikuti rehabilitasi aural secara komprehensif mencapai tahap 45%. Kajian ini telah membuktikan bahawa kanak-kanak bermasalah pendengaran yang tidak mempunyai masalah kognitif mempunyai kemahiran bahasa yang tidak jauh berbeza daripada kanak-kanak normal sekiranya mereka didedahkan kepada habilitasi aural secara komprehensif.

Habilitasi aural secara komprehensif ini meliputi pengesanan awal, pemakaian ABP pada usia di bawah 2 tahun dan seterusnya mengikuti terapi pemulihan pendengaran dan pertuturan secara konsisten. Dalam hal ini, Malaysia masih ketinggalan dalam usaha membuat pengesanan awal dan intervensi awal berbanding negara luar yang jauh lebih maju.

2.3 Kanak-kanak dengan masalah pendengaran

Menurut Maura Martindale, walaupun selepas pengenalan *No Child Left Behind Act* (2001) banyak perubahan telah berlaku di Amerika Syarikat terhadap masalah pendengaran dikalangan kanak-kanak seperti pengesanan awal melalui *Universal newborn hearing screening* (UNHS), penambahbaikan terhadap ABP dan penambahan penggunaan implant koklea tetapi masalah penguasaan membaca di kalangan mereka adalah masih rendah (Holt, 1994). Melalui kajiannya yang bertajuk *Children With significant Hearing Loss: Learning to Listen, talk, and Read- Evidence-Based Best Practice* ini dapat dibuktikan melalui California STAR (Standardized Testing and Reporting) menunjukkan bahawa 81.1% prestasi pelajar bermasalah pendengaran berada pada peringkat bawah asas dan peringkat terbawah asas untuk Sastera Bahasa Inggeris (California Department of Education, 2004)

Berdasarkan kajian, didapati selepas melepasi tahap asas kanak-kanak bermasalah pendengaran mengalami masalah yang lebih sukar untuk membaca dan menguasai akademik tanpa kebolehan membaca dan menulis yang seimbang

dengan rakan sebaya mereka.(Morris et al, 2003). Berdasarkan kajian lain didapati kanak-kanak yang memakai implan koklea seawal yang mungkin menunjukkan pencapaian yang baik dalam perkembangan bahasa lisan, keperluan penting dalam menguasai kemahiran membaca. (Connor & Zwolan,2004; geers, 2003; Spencer, Tomblin & Gantz,1997).

Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan perlu dilaksanakan untuk mencari kaedah yang paling sesuai untuk membolehkan kanak-kanak bermasalah pendengaran dapat menguasai kemahiran berbahasa dan bertutur dengan baik dan tersusun serta menguasai kemahiran membaca.(Geers & Moog,1989, Haris & Moreno, 2004; Perfetti & Sandak, 2005).

2.4 Pencapaian Bahasa Melayu

Abdullah Yusoff pensyarah dari Maktab Perguruan Kota Bharu telah menghasilkan beberapa kajian yang melibatkan golongan bermasalah pendengaran. Kajian beliau yang bertajuk *Satu Sorotan Dari Perspektif Linguistik tentang Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid-Murid Pekak* pada tahun 2002, mengemukakan bukti bahawa kanak-kanak bermasalah pendengaran sukar mempelajari BM kerana BM merupakan bahasa kedua bagi golongan ini. Kajian ini menyokong laporan Mohd. Hashim Omar (1985), Teng Shin Min (1986), Abdullah Yusoff (1992,1993,1995,1996) dan Gog & Teh (1990, 1993).

Menurut beliau, kesukaran mempelajari BM ada kaitan dengan konsep pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Selain itu ciri-ciri BM yang kompleks dan kecelaruan mod komunikasi yang digunakan oleh golongan ini turut menyukarkan

pembelajaran BM. Hal ini dibuktikan apabila kebanyakan murid-murid bermasalah pendengaran yang telah tamat persekolahan tidak mampu menguasai dan memahami pertuturan, lemah pemahaman bacaan, lemah dalam penguasaan bahasa isyarat dan juga kurikulum.

Melalui kajian, beliau membuktikan bahawa kesukaran golongan bermasalah pendengaran mempelajari BM adalah kerana ciri BM itu sendiri yang kompleks melalui perubahan makna bagi sesuatu perkataan sekiranya penambahan imbuhan, penggandaan dan pemajmukan dilakukan kepada kata dasar sesuatu perkataan. Hal ini ternyata amat mengelirukan dan menyukarkan golongan bermasalah pendengaran. Selain itu ketidakupayaan mendengar menyebabkan golongan ini tidak dapat membezakan intonasi ayat. BM mempunyai pelbagai ragam ayat yang boleh dibezakan melalui perubahan intonasi ketika bertutur.

Beliau turut mengemukakan bukti kesukaran mempelajari BM melalui kajian beliau terhadap hasil karangan murid-murid bermasalah pendengaran yang dikemukakan dalam kajiannya yang bertajuk *Pemaparan Idea dalam Karangan : Kajian Kes terhadap Karangan Pelajar Pekak (1996)*. Selain itu beliau juga menghasilkan tulisan bertajuk *Kesalahan Struktur Ayat BM Pelajar Pekak* yang diterbitkan pada tahun 1993. Kedua-dua kajian diatas menyatakan bahawa murid-murid bermasalah pendengaran menunjukkan kelemahan dalam aspek penggunaan kata tugas dan imbuhan yang betul. Selain itu, kajian juga mendapati murid-murid bermasalah pendengaran tidak berupaya menyatakan idea dalam